

**SOALAN NO. : 334**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[KUALA KRAI]**

**RUJUKAN : DR31**

**SOALAN :**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan berkenaan status perlombongan bijih timah dalam negara terkini. Senaraikan pihak yang terlibat dan apakah langkah terbaik mengkomersialkan semula aktiviti ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, terdapat 18 buah lombong bijih timah yang aktif di seluruh negara, di mana lapan buah lombong beroperasi di Perak, lima di Pahang, tiga di Johor, satu di Kedah dan satu di Kelantan. Jumlah bilangan lombong bijih timah di Malaysia adalah kekal sama seperti tahun sebelumnya.

Pengeluaran timah dalam konsentrat pada tahun 2015 ialah sebanyak 4,158 tan, iaitu peningkatan 10% berbanding 3,777 tan pada tahun 2014. Perak merupakan pengeluar utama timah Negara dengan pengeluaran timah dalam konsentrat sebanyak 3,094 tan. Daripada jumlah 4,158 tan timah dalam konsentrat yang dihasilkan ini, sebanyak 3,571 tan diperoleh daripada aktiviti perlombongan, 275 tan daripada kilang pembilasan amang dan 312 daripada aktiviti mendulang. Nilai pengeluaran dalam tahun 2015 adalah RM197.06 juta berbanding RM257.21 juta pada tahun 2014.

Senarai lombong bijih timah yang beroperasi pada tahun 2015 adalah seperti dalam jadual di bawah. Lombong Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd. yang terletak di Klian Intan, Perak adalah lombong bijih timah terbesar negara dan menyumbang kepada pengeluaran timah dalam konsentrat tertinggi di Malaysia.

Berikut ialah senarai lombong bijih timah di Malaysia:-

### 1. Kedah

<b>Bil.</b>	<b>NamaLombong</b>	<b>Lokasi</b>
1	Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed) No. 1	Sintok

### 2. Kelantan

<b>Bil.</b>	<b>NamaLombong</b>	<b>Lokasi</b>
1	Zulacco Mines Sdn. Bhd.	Sg. Yai, Gua Musang

### 3. Perak

<b>Bil.</b>	<b>NamaLombong</b>	<b>Lokasi</b>
1	Dollar Valley Sdn. Bhd.	Kinta
2	Kepayang Resources Sdn. Bhd.	Kinta
3	Uniteck Agency Sdn. Bhd.	Kinta
4	Nalidah Tin Mine Sdn. Bhd.	Hulu Perak
5	Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd.	Hulu Perak
6	HWG Tin Mining Sdn. Bhd.	Hulu Perak
7	YayasanKebajikan Islam DarulRidzuan (KADIR)	Hulu Perak
8	Andang Raya Construction Sdn. Bhd.	Batang Padang

### 4. Pahang

<b>Bil.</b>	<b>NamaLombong</b>	<b>Lokasi</b>
1	Rich Marvellous Sdn. Bhd.	Bentong
2	Agenda JituSdn. Bhd.	Bentong
3	Metro Emerald Sdn. Bhd.	Kuantan
4	Myah Mines Sdn. Bhd.	Kuantan
5	Syarikat RatnaPura	Bentong

### 5. Johor

<b>Bil.</b>	<b>NamaLombong</b>	<b>Lokasi</b>
1	Giant Distinction Sdn. Bhd.	Linggiu, Kota Tinggi
2	Chep Fatt Mining Sdn. Bhd. (Kejora No. 3)	Linggiu, Kota Tinggi
3	Chep Fatt Mining Sdn. Bhd.	Linggiu, Kota Tinggi

Bagi meningkatkan kembali aktiviti perlombongan bijih timah ini, pihak Kerajaan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa usaha penggalakan supaya industri ini kembali menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Perak telah mengambil langkah positif dengan mewujudkan *Perak Mining Blueprint* bagi merancakkan kembali aktiviti perlombongan bijih timah di negeri tersebut secara serius. Kajian yang dilakukan oleh Jabatan Mineral dan Geosains telah mengenalpasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan bagi perlombongan bijih timah.

Pembangunan sumber mineral adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Adalah disarankan agar pihak Kerajaan Negeri dapat membuka lebih banyak kawasan yang kaya dengan bijih ini kepada pelabur-pelabur atau pemain industri bagi mereka menjalankan eksplorasi atau carigali dan seterusnya melombong bijih berkenaan. Longgokan-longgokan bijih timah di kawasan ini perlulah diusahahasilkan terlebih dahulu sebelum sesuatu aktiviti lain selain dari perlombongan dijalankan. Ini bagi memastikan sumber bijih ini dapat dimanfaatkan dan tidak termajir oleh pembangunan lain. Bagi kawasan yang belum dapat dibangunkan, kawasan tersebut seharusnyalah disimpan atau dipelihara supaya sumber yang ada boleh dibangunkan pada masa hadapan.

Aktiviti perlombongan merupakan industri yang memerlukan pelaburan terus dengan modal yang besar bagi membiayai peringkat eksplorasi hingga kepada pembukaan lombong dan pemprosesan. Oleh yang demikian, pelabur memerlukan kawasan serta tempoh pegangan yang bersesuaian bagi membolehkan operasi mereka dijalankan secara

efektif dan optimum. Bagi menarik pelaburan, pihak Kerajaan Negeri disaran menimbaangkan pemberian kawasan yang besar serta tempoh pegangan yang bersesuaian. Kerajaan juga perlu menggiatkan aktiviti promosi berkaitan pembangunan sumber mineral di negeri berkaitan, mengenalpasti inisiatif-inisiatif pembangunan yang boleh dilaksanakan, serta mengadakan usahasama secara aktif dengan pelabur tempatan dan luar negara.

Sekian, terima kasih.